



Majulah Singapura

Sambutan Hari Kebangsaan

3 Jun ialah hari yang berperistiwa kepada rakyat Singapura. Hari itu ialah hari kebangsaan Singapura yang akan disambut dengan meriahnya. Bandar raya Singapura akan berhias dan bermandi cahaya yang berwarna-warni. Berbagai-bagai perbarisan dan permainan akan

dipertunjukkan selama tiga hari untuk merayakan hari kebangsaan Singapura yang bersejarah itu.

Dewan Bahasa dan Kebudayaan

Singapura akan mempunyai Dewan Bahasa dan Kebudayaan tidak lama lagi. Dewan Bahasa ini akan menerbitkan buku-buku bahasa, buku-buku bacaan dan buku-buku kaedah mengajar bahasa kebangsaan, dan juga menterjemahkan buku-buku novel, ekonomi, politik, dan sains dalam bahasa Melayu.

Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura akan berhubung rapat dan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu dan Balai Pustaka Indonesia.

Televisyen di Singapura

Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah negara yang sedang maju, Singapura akan mempunyai stesyen televisyen.



Suatu pemandangan dalam Mesyuarat Agung wartawan-wartawan Melayu Singapura yang telah bersidang baharu-baharu ini.



Pak Kasur sedang mengajar permainan angklung kepada kanak-kanak di Radio Singapura. Kanak-kanak Singapura juga, dengan pimpinan Pak Kasur akan bermain angklung dalam perayaan Hari Kebangsaan Singapura yang bersejarah itu.

Dua orang pakar televisyen Jepun telah tiba baharu-baharu ini dari Tokyo untuk menjalankan penyiasatan dan memberi bantuan dan kemudahan-kemudahan hingga membolehkan Singapura mendirikannya.

Pakar-pakar televisyen Jepun itu akan mengunjungi Persekutuan Tanah Melayu yang juga bercadang hendak mengadakan perkhidmatan televisyen.

Singapura Pelabuhan yang Kelima di Dunia

Dalam suatu kenyataan yang diterbitkan oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura, Doktor Toh Chin Chye berkata, menurut statistik tahun 1958 yang diterbitkan baharu-baharu ini oleh Dewan Perniagaan Rotterdam, bahawa Singapura ialah pelabuhan yang terbesar di Asia dan yang kelima di dunia.

Pelabuhan dunia yang pertama: New York, kedua: Rotterdam, ketiga: London, keempat: Antwerp, dan kelima: Singapura.

Gadis-gadis yang lari akan dikurung

Kadi besar Singapura telah diberi kuasa mengurung gadis-gadis Islam yang lari dari rumah ibu bapa mereka kerana hendak berkahwin dengan lelaki pilihan mereka.

Gadis-gadis yang lari dan enggan kembali ke rumah orang tua mereka, dalam masa perkara mereka dibicarakan, akan dikurung di Rumah Kebajikan Wanita Islam di Jalan Yunus.

Peraturan ini dijalankan kerana menjaga keselamatan gadis-gadis itu sendiri.